Kamariah bte Ali dan satu lagi lwn Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO R1–24–65 TAHUN 2005
RAUS SHARIF H
30 DECEMBER 2005

Acara Sivil — Res judicata — Penyalahgunaan proses mahkamah — Persoalan yang sama — Keperluan untuk merujuk kepada Mahkamah Persekutuan — Persoalan undang–undang yang hendak dikemukakan dalam permohonan ini adalah sama seperti di dalam kes sama sebelumnya — Sama ada tindakan plaintif-plaintif adalah tergolong di dalam tindakan yang menyalahgunakan proses mahkamah

Undang-Undang Islam — Mahkamah Syariah — Bidang kuasa — Pengisytiharan telah keluar daripada agama Islam — Sama ada di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil — Sama ada Mahkamah Sivil boleh mencampuri di dalam apa-apa perkara yang secara termaktub adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah — Perlembagaan Persekutuan perkara 121 (1A), Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 s 11(3)(b)(x), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986 s 205(2)

Undang-Undang Perlembagaan — Kebebasan asasi — Hak terhadap kebebasan beragama — Pengisytiharan telah keluar daripada agama Islam — Kedua-dua plaintif telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu — Sama ada Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 bertujuan menghalang penganut Islam daripada menukar agama — Sama ada tindakan ini bertentangan dengan hak mereka di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan

Pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dengan bantuan pihak polis telah melakukan satu serbuan di Kampong Ayah Pin di Daerah Besut, Negeri Terengganu, pada 20 Julai 2005, dan telah menahan ramai penduduk termasuklah kedua-dua plaintif di dalam permohonan ini. Mereka telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan kemudiannya telah dibebaskan dengan ikatan jaminan sementara menunggu perbicaraan kes mereka di Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu.

Plaintif-plaintif telah memfailkan di Mahkamah ini suatu permohonan deklarasi, antara lain, bahawa tindakan pihak berkuasa agama Negeri Terengganu termasuk Mahkamah Syariah adalah bertentangan dengan hak mereka di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Menurut mereka, oleh kerana mereka telah mengisytiharkan keluar dari agama Islam, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap mereka.

Mereka juga telah memfailkan suatu permohonan supaya dua soalan undang-undang dirujuk melalui satu kes khas ke Mahkamah Persekutuan dan prosiding di mahkamah ini digantung sementara menunggu penentuan dan penyelesaian di Mahkamah Persekutuan. Soalan-soalan undang-undang adalah seperti berikut: (i) sama ada hak untuk menganuti agama di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan merangkumi hak seseorang yang beragama Islam yang telah mencapai umur majoriti untuk keluar dari agamanya; dan (ii) jika sedemikian, sama ada undang-undang dan/atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang menghadkan atau mengenakan sekatan-sekatan yang lain ke atas hak seseorang yang beragama Islam yang telah mencapai umur majoriti untuk keluar dari agamanya adalah tidak konsisten dengan perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dan demikian, adalah tidak sah.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos:

(1) Soal sama ada plaintif-plaintif yang dahulu beragama Islam dan selepas itu mengisytiharkan telah keluar daripada agama Islam adalah perkara di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap perkara tersebut, selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara 121(1A) (lihat perenggan 19).

(2) Jelas terdapat peruntukan yang khas di dalam Enakmen-Enakmen Negeri Terengganu yang memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menentukan seseorang itu bukan lagi orang Islam atau telah menjadi murtad. Dalam keadaan sedemikian Mahkamah Sivil tidak seharusnya campur tangan dengan perkara-perkara yang secara termaktub adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (lihat perenggan 22).

(3) Kewujudan Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 bukanlah bertujuan untuk menghalang penganut Islam daripada menukar agama, kerana ia sudah tentu akan bertentangan dengan perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya kewujudan Enakmen tersebut adalah untuk bertindak sebagai forum yang mempunyai bidang kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk mentadbir undang-undang diri dan keluarga penganut agama Islam di Negeri Terengganu, termasuklah mengenai permohonan untuk mereka yang hendak keluar daripada agama Islam (lihat perenggan 34).

(4) Apabila Mahkamah Persekutuan yang berkeputusan untuk tidak menjawab soalan-soalan tersebut di dalam kes *Kamariah bte Ali dan lain-lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan dan satu lagi* [2005] 1 MLJ 197, mahkamah ini tidak nampak apa keperluan soalan-soalan atas fakta yang sama perlu dikemukakan semula kepada Mahkamah Persekutuan. Tindakan plaintif-plaintif dalam pemfailan permohonan merujuk soalan undang-undang melalui satu kes khas ke Mahkamah Persekutuan adalah tergolong di dalam tindakan yang menyalahgunakan proses mahkamah (lihat perenggan 41).

[English summary

The officers of the Department of Religious Affairs Terengganu with the help of the police had carried out a raid at the 'Ayah Pin' village in the District of Besut,

Terengganu, on 25 July 2005 and arrested many villagers including both the plaintiffs in this application. They were charged under the Criminal Offences (Takzir) Enactment (Terengganu) 2001 at the Syariah High Court of Kuala Terengganu. They were subsequently released on bail pending hearing of their case in the Syariah High Court of Kuala Terengganu.

The plaintiffs filed in this court an application for declaration, among others, that the act of the religious authorities of Terengganu including the Syariah Court were against their rights under art 11(1) of the Federal Constitution. According to them, the Syariah Court had no jurisdiction in this matter, as they had declared to have renounced Islam.

They also made an application that two questions of law be referred to the Federal Court, in a special case, and that the proceedings at this court, be stayed pending the determination and solution of the Federal Court. The questions of law were as follows: (i) whether the right to embrace a religion under art 11(1) of the Federal Constitution includes the right of a Muslim who has reached the age of majority to renounce his faith; and (ii) if this is so, whether the law and/or the act of any authority limiting or imposing other restrictions on the right of a Muslim who has attained the age of majority to renounce his faith is inconsistent with art 11(1) of the Federal Constitution, and is therefore void.

Held, application dismissed with cost:

(1) The question whether the plaintiffs who were Muslim and thereafter declared to have renounced Islam is a matter within the jurisdiction of the Syariah Court and that the Civil Court does not have the jurisdiction on the said matter, is consistent with the provision of the Federal Constitution, art 121(1A) (see para 19).

(2) It is clear that there are special provisions in the Terengganu Enactments that confers jurisdiction on the Syariah Court to determine whether a person is no longer a Muslim or has become an apostate. In such circumstances, the Civil Court ought not to interfere in matters which lie exclusively within the jurisdiction of the Syariah Court (see para 22).

(3) The existence of the Syariah Court Enactment (Terengganu) 2001 is not meant to restrict Muslims from renouncing their faith, because this would definitely be inconsistent with Article 11 of the Federal Constitution. On the contrary, the existence of the said Enactment is to play its role as a forum that has been conferred jurisdiction by the Federal Constitution to administer Muslim personal and family law in the state of Terengganu, inclusive of applications by those who intend to renounce the faith of Islam (see para 34).

(4) When the Federal Court decided not to answer these questions which had been raised in the earlier case of *Kamariah bte Ali dan lain-lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan dan satu lagi* [2005] 1 MLJ 197, this court saw no reason why these questions on same facts need to be referred to the Federal Court again. The act of the plaintiffs in filing an application to refer these questions of law to the Federal Court in a special case is categorised as an abuse of the court process (see para 41).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 615–619.

Untuk kes-kes mengenai hak terhadap kebebasan beragama, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1907–1909.

Untuk kes-kes mengenai penyalahgunaan proses mahkamah, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 5327–5329.

Kes-kes yang dirujuk

Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah, Bukit Mertajam & Anor [1992] 1 MLJ 1 (dirujuk)

Daud bin Mamat & Ors v Majlis Agama Islam & Anor [2001] 2 MLJ 390 (dirujuk)

Kamariah bte Ali dan lain-lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi [2002] 3 MLJ 657 (dirujuk)

Kamariah bte Ali dan lain-lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan dan satu lagi [2005] 1 MLJ 197 (dirujuk)

Lim Chan Seng v Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & 1 Kes Yang Lain [1996] 3 CLJ 231 (dirujuk)

Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors [2005] 6 MLJ 193 (dirujuk)

Md Hakim Lee v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur [1998] 1 MLJ 681 (dirujuk)

Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato' Taib [1992] 2 MLJ 793 (dirujuk)

Priyathaseny & Ors v Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak & Ors [2003] 2 MLJ 302 (dirujuk)

Soon Singh a/l Bikar Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) [1999] 1 MLJ 489 (dirujuk)

Zubeydah bte Shaik Mohd lwn Kalaichelvan a/l Alagapan dan lain-lain [2003] 2 MLJ 471 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 s 10
Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 s 11(3)(b)(x)
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986 s 205(2)
Perlembagaan Persekutuan perkara 11(1), 74(2), 121(1A)
Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 ss 69, 102

Malik Imtiaz Salwar (Haris Ibrahim dan Sunil Lopez bersama beliau) (Haris & Co) bagi pihak plaintif-plaintif.

Zamani Mohammad (Mohd Zamani bersama beliau) (Zamani Mohammad & Co) bagi pihak defendan pertama.

Ahmad Kamal Md Shahid (Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu) bagi pihak defendan kedua.

Azizah Hj Nawawi (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pencelah.

Raus Sharif H:

[1] Melalui saman pemula di Kandungan I yang difailkan pada 15 Ogos 2005, plaintif-plaintif menuntut terhadap defendan-defendan, antara lain, untuk perintah-perintah seperti berikut:

(i) Deklarasi bahawa plaintif pertama dan plaintif kedua mempunyai hak yang mutlak dan bebas di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan untuk memilih sama ada untuk menganuti mana-mana agama dan, jika ia, untuk menganuti dan mengamalkan agama pilihan mereka sendiri;

(ii) Deklarasi bahawa hak mutlak dan kebebasan plaintif pertama dan plaintif kedua di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan untuk memilih sama ada untuk menganuti mana-mana agama dan, jika ia, untuk menganuti dan mengamalkan agama pilihan mereka sendiri dan agama yang dianuti dan diamalkan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua adalah ditentukan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua sendiri dan bukan oleh atau tertakluk kepada pengisytiharan dan/atau pengesahan mana-mana pihak yang lain;

(iii) Deklarasi bahawa perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan mempunyai keutamaan ke atas dan akan mengatasi mana-mana undang-undang persekutuan atau enakmen-enakmen negeri berkenaan dengan perkara pengakuan dan pengamalan agama pilihan plaintif pertama dan plaintif kedua;

(iv) Deklarasi bahawa peruntukan-peruntukan dalam mana-mana undang-undang persekutuan dan enakmen-enakmen negeri atau mana-mana peraturan-peraturan termasuk tetapi tidak terhad kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang tidak mengiktirafkan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan atau adalah bertentangan dengannya, adalah tidak sah.

(v) Deklarasi bahawa memandangkan plaintif pertama dan plaintif kedua telah menguatkuasakan hak mutlak mereka di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan untuk memilih sama ada untuk menganuti mana-mana agama dan, jika ia, untuk menganuti dan mengamalkan agama pilihan mereka sendiri dengan mengisytiharkan diri mereka tidak lagi menganuti dan mengamal agama Islam, mana-mana undang-undang persekutuan dan enakmen-enakmen negeri berkenaan dengan agama Islam termasuk tetapi tidak terhad kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 adalah tidak terpakai terhadap plaintif pertama dan plaintif kedua.

(vi) Deklarasi bahawa peruntukan dalam apa jua undang-undang persekutuan dan enakmen-enakmen negeri, sekiranya ada, yang kononnya memberi kuasa atau bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menentukan sama ada plaintif pertama dan plaintif kedua telah keluar dari agama Islam atau menghendaki suatu deklarasi dari Mahkamah Syariah sebagai pra-syarat sebelum plaintif pertama dan plaintif kedua dapat atau dianggap telah keluar dari agama Islam adalah bertentangan dengan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

(vii) Deklarasi bahawa peruntukan-peruntukan dalam mana-mana undang-undang persekutuan atau enakmen-enakmen negeri atau mana-mana

peraturan-peraturan yang menyekat atau melarang atau yang mengenakan syarat-syarat terhadap dan ke atas hak mutlak plaintif pertama dan plaintif kedua sendiri untuk memilih sama ada untuk menganuti mana-mana agama dan, jika ia, untuk menganuti dan mengamalkan agama pilihan mereka sendiri dan selaras hak tersebut, untuk mengisytiharkan diri mereka tidak lagi menganuti dan mengamal agama Islam adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan khususnya perkara 11(1) dan adalah tidak sah;

(viii) Deklarasi bahawa defendan pertama, kakitangan dan/ejennya dan setiap pihak berkuasa agama Islam di Negeri Terengganu, termasuklah tetapi tidak terhad kepada Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Rendah Syariah Negeri Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu tidak mempunyai apa-apa bidang kuasa ke atas plaintif pertama dan plaintif kedua; dan

(ix) Berlanjutan dengan perintah (i) hingga (viii) di atas, deklarasi bahawa berdasarkan Perlembagaan Persekutuan khususnya perkara 11(1), defendan pertama dan/atau defendan kedua atau mana-mana pihak yang bertindak di bawah arahan dan/atau jagaan defendan pertama dan/atau defendan kedua tidak berhak mengenakan atau menentukan apa-apa syarat atau pra-syarat sebelum plaintif pertama dan plaintif kedua dapat atau dianggap tidak lagi menganuti dan mengamal agama Islam;

[2] Pada tarikh dan masa yang sama plaintif-plaintif juga telah memfailkan saman dalam kamar di Kandungan 3 memohon supaya dua soalan undang-undang dirujuk melalui satu kes khas ke Mahkamah Persekutuan. Dengan itu, mereka memohon supaya prosiding di Kandungan 1 digantung sementara menunggu penentuan dan penyelesaian di Mahkamah Persekutuan atas soalan-soalan undang-undang yang hendak dirujuk itu. Soalan-soalan undang-undang yang hendak dirujuk itu adalah seperti berikut:

(i) Sama ada hak untuk menganuti agama di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan merangkumi hak seseorang yang beragama Islam yang telah mencapai umur majoriti untuk keluar dari agamanya; dan

(ii) Jika sedemikian, sama ada undang-undang dan/atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang menghadkan atau mengenakan sekatan-sekatan yang lain ke atas hak seseorang yang beragama Islam yang telah mencapai umur majoriti untuk keluar dari agamanya adalah tidak konsisten dengan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan demikian, adalah tidak sah.

[3] Fakta dan latar belakang yang membuat kedua-dua plaintif memfailkan tindakan-tindakan ini boleh dirumuskan seperti berikut.

[4] Pada tahun 1992, kedua-dua plaintif telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah, Negeri Kelantan di bawah s 69 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Bil 2/66 atas pertuduhan membuat istiadat atau perkara yang berlawanan dengan Hukum Syarak. Kedua-dua mereka telah didapati bersalah dan disabitkan terhadap pertuduhan tersebut. Plaintif pertama telah dikenakan hukuman penjara dua puluh bulan, sementara plaintif kedua dikenakan hukuman penjara dua puluh empat bulan.

[5] Kedua-dua plaintif telah membuat rayuan terhadap sabitan dan hukuman tersebut kepada Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan. Pada tahun 1996, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan telah mengesahkan sabitan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan tetapi telah menggantikan hukuman penjara dengan perintah yang menghendaki mereka masing-masing mengikat jamin berkelakuan baik untuk lima tahun di samping mereka diwajibkan menghadiri di pejabat Qadhi Jajahan pada setiap bulan untuk tempoh lima tahun dan melafazkan taubat selaras dengan Hukum Syarak.

[6] Pada tahun 1998, kedua-dua plaintif telah mengambil keputusan untuk tidak lagi beragama Islam dan untuk tujuan itu, mereka, masing-masing telah mengikrarkan satu surat akuan bertarikh 24 Ogos 1998 dan 28 Ogos 1998, di mana kedua-dua mereka mengatakan bahawa mereka atas kerelaan hati sendiri telah keluar dari agama Islam.

[7] Pada bulan Oktober 2000, kedua-dua plaintif telah didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan atas kegagalan mereka mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah yang menghendaki mereka untuk menghadirkan diri di pejabat Qadhi untuk melafazkan taubat. Semasa pembicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan mereka telah memaklumkan Mahkamah bahawa mereka telah meninggalkan agama Islam. Tetapi Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan tidak menerima dakwaan dan telah mensabitkan mereka atas kesalahan di bawah s 69 Enakmen Majlis Agama Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Bil 2/66 dan masing-masing dihukum tiga tahun penjara.

[8] Kedua-dua plaintif kemudiannya telah memfailkan permohonan untuk habeas corpus dan untuk pengisytiharan bahawa mereka telah keluar dari agama Islam di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Mahkamah Tinggi Kota Bharu telah menolak permohonan mereka. Kedua-dua mereka telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Rayuan mereka telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

[9] Seterusnya, kedua-dua plaintif adalah di antara mereka yang telah memohon kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap penolakan rayuan mereka oleh Mahkamah Rayuan. Pada 5 November 2002, Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran untuk mereka merayu di atas persoalan-persoalan berikut:

(i) Sama ada hak untuk menganuti agama di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan merangkumi hak seseorang yang beragama Islam yang telah mencapai umur majoriti untuk keluar dari agamanya;

(ii) Sama ada undang-undang yang menghadkan atau mengenakan sekatan-sekatan yang lain ke atas hak seseorang (selain dari seseorang yang belum mencapai umur majoriti) untuk keluar dari agamanya, adalah tidak konsisten dengan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan yang demikian, adalah tidak sah; dan

(iii) Sama ada had atau sekatan yang dikenakan di bawah peruntukan s 102(1), (2) dan (3) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, (yang dibacakan bersama dengan definisi perkataan 'Muslim' di bawah s 2 Enakmen

yang sama) adalah tidak konsisten dengan perkara 11(1)(5) dan perkara 74 Perlembagaan dan yang demikian adalah tidak sah.

[10] Pada 21 Julai 2004, Mahkamah Persekutuan sebulat suara telah memutuskan bahawa soalan-soalan (i), (ii) dan (iii) di atas tidak perlu dijawab. Justeru itu rayuan plaintif-plaintif telah ditolak dengan kos.

[11] Pertembungan antara plaintif-plaintif dengan pihak berkuasa agama Islam tidak berkakhir dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut. Kali ini mereka bertelagah pula dengan pihak berkuasa agama Islam di Negeri Terengganu. Ianya berlaku apabila pada 20 Julai 2005, pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu ('JHEAT') dengan bantuan pihak polis telah melakukan satu serbuan di Kampong Ayah Pin di Daerah Besut, Negeri Terengganu dan telah menahan ramai penduduk termasuklah kedua-dua plaintif.

[12] Keesokannya pada 21 Julai 2005, kedua-dua plaintif telah dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah Besut dan ditahan tanpa jaminan sehingga dikemukakan di Mahkamah semula pada 28 Julai 2005. Pada 28 Julai 2005, Mahkamah Rendah Syariah Besut telah membenarkan plaintif kedua diikat jamin tetapi plaintif pertama diperintahkan ditahan seterusnya. Kes mereka telah diperintahkan dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu.

[13] Pada 4 Ogos 2005, kedua-dua plaintif telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu di bawah s 10 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Plaintif pertama juga dikenakan tuduhan kedua di bawah s 7 Enakmen yang sama. Plaintif pertama kemudiannya, seperti plaintif kedua telah dibebaskan dengan ikatan jaminan sementara menunggu perbicaraan kes mereka di Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu.

[14] Pada 15 Ogos 2005, kedua-dua plaintif memfailkan Kandungan 1 dan Kandungan 3. Pada asasnya aduan plaintif-plaintif di Mahkamah ini adalah bahawa walaupun mereka telah keluar daripada agama Islam pada 1998, JHEAT masih mengenakan tindakan terhadap mereka sebagai orang Islam. Menurut mereka, Mahkamah Syariah, pendakwaraya syariah dan pegawai-pegawai penguatkuasa JHEAT, menguatkuasakan bidang kuasa terhadap mereka seolah-olah mereka masih beragama Islam. Kedua-dua plaintif bertegas bahawa tindakan pihak berkuasa agama Negeri Terengganu termasuk Mahkamah Syariah adalah bertentangan dengan hak mereka di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Menurut mereka, oleh kerana mereka telah mengisytiharkan mereka keluar dari agama Islam, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap mereka.

[15] Pada 28 September 2005, Peguam Negara Malaysia telah memfailkan di Mahkamah ini saman dalam kamar (Kandungan 14), memohon kebenaran untuk mencelah dan dijadikan sebagai satu pihak dalam prosiding ini. Kesemua pihak tidak mempunyai bantahan terhadap permohonan tersebut dan Mahkamah ini pada 3 Oktober 2005, telah membenarkan permohonan Peguam Negara itu, dan dengan itu Peguam Negara telah dijadikan pihak dalam prosiding ini.

[16] Di permulaan pendengaran saman dalam kamar di Kandungan 3 pada 29 November 2005, En Zamani bin Mohamad yang mewakili Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (defendan pertama), En Ahmad Kamal bin Md Shaid, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu yang mewakili Kerajaan Negeri Terengganu (defendan kedua) dan Pn Azizah Hj Nawawi yang mewakili Peguam Negara Malaysia (pencelah) telah mengemukakan bantahan terhadap permohonan plaintif-plaintif. Rata-rata mereka berhujah bahawa Mahkamah ini tidak perlu merujuk kedua-dua soalan yang dikemukakan oleh kedua-dua plaintif kerana kedua-dua soalan itu terbit dari Kandungan 1 di mana Mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengarnya. Menurut mereka bahawa perkara pokok kepada permohonan plaintif-plaintif di Kandungan 1 adalah untuk pengisytiharan bahawa mereka tidak lagi menganuti dan mengamalkan agama Islam. Dengan itu adalah dihujahkan bahawa kuasa untuk memutuskan sama ada seseorang itu telah keluar daripada agama Islam atau murtad hanya boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah Negeri Terengganu mengikut Enakmen-Enakmen yang berkuatkuasa di negeri tersebut. Jadi menurut mereka, Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan perkara-perkara yang adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

[17] Encik Malik Imtiaz, peguam utama yang mewakili plaintif-plaintif telah berhujah bahawa kedua-dua persoalan yang hendak diketengahkan dan diputuskan oleh mahkamah ialah mengenai pentafsiran perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu sama ada seseorang Islam yang telah mencapai umur dewasa boleh dalam menggunakan haknya di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan untuk memilih atau mengisytiharkan telah keluar daripada agama Islam. Menurut En Malik Imtiaz, perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan dan dengan itu melindungi plaintif-plaintif. Malangnya mengikut En Malik Imtiaz keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi dan juga di peringkat Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di dalam persoalan ini telah menimbulkan banyak kekeliruan dan bercanggah antara satu sama lain dan dengan itu seharusnya persoalan yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif dikemukakan ke Mahkamah Persekutuan untuk mahkamah yang tertinggi sekali di negara ini memuktamadkannya.

[18] Dengan hormatnya, saya tidak dapat bersetuju dengan En Malik Imtiaz. Pada saya, persoalan sebenar yang hendak diketengahkan oleh kedua-dua plaintif di dalam kes ini adalah kesan pengisytiharan mereka bahawa mereka tidak lagi menganuti dan mengamalkan agama Islam. Dengan lain perkataan, mereka mahukan Mahkamah Sivil menentukan sama ada mereka telah keluar dari agama Islam. Kehendak plaintif-plaintif ini jelas dari apa yang dinyatakan oleh plaintif kedua dalam afidavit sokongan kepada Kandungan 3 di mana beliau menyatakan di perenggan 6:

> 6. Sebagai permulaan saya menyatakan bahawa plaintif pertama dan diri saya memulakan tindakan Saman Pemula tersebut untuk memperoleh perintah-perintah deklarasi (selepas ini dirujuk sebagai 'Perintah Yang Dipohon') dari Mahkamah yang Mulia ini berkenaan kesan pengisytiharan oleh plaintif pertama dan diri saya tidak lagi menganuti dan mengamalkan agama Islam.

[19] Pada saya, soal sama ada plaintif-plaintif yang dahulu beragama Islam dan selepas itu mengisytiharkan telah keluar daripada agama Islam adalah perkara di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap perkara tersebut. Ini adalah selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan di mana perkara 121(1A) dengan jelasnya memperuntukkan bahawa 'Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.'

[20] Untuk Negeri Terengganu, s 11(3)(b)(x) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendengar permohonan mengenai kes murtad. Seksyen 11(3)(b)(x) memperuntukkan:

> 11(3)Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:
>
> (b) dalam bidang kuasa marnya mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan —
>
> (x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam.

[21] Seterusnya s 205(2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986, telah dengan khasnya memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar permohonan berkaitan dengan isu murtad. Seksyen 205(2) memperuntukkan:

> 205(2)
> Tidaklah boleh sesiapa kecuali Hakim Syarie, memutuskan seseorang yang menganut Agama Islam sebagai murtad, syirik, atau kafir.

[22] Jelas terdapat peruntukan yang khas di dalam Enakmen-Enakmen Negeri Terengganu yang memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menentukan seseorang itu bukan lagi orang Islam atau telah menjadi murtad. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah Sivil tidak seharusnya campur tangan dengan perkara-perkara yang secara termaktub adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

[23] Dalam hal ini, saya berpendapat bahawa tidak terdapat kekeliruan mengenai bidang kuasa Mahkamah Sivil terhadap perkara-perkara yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ke atasnya. Kes-kes terdahulu memutuskan bahawa apa-apa perkara yang jatuh ke atas bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka bidang kuasa itu adalah eksklusif dan tidak boleh dicampuri atau diambil alih oleh Mahkamah Sivil.

[24] Di dalam kes *Lim Chan Seng v Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & 1 Kes Yang Lain* [1996] 3 CLJ 231, Abdul Hamid 'H' (pada masa itu) semasa menolak permohonan kedua-dua plaintif untuk deklarasi bahawa penolakan agama

Islam yang dibuat oleh mereka melalui surat ikatan pol bertarikh 12 Julai 1995 dan 25 Mei 1996 masing-masing adalah mengikut undang-undang dan sah telah memutuskan:

> Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa dalam perkara-perkara yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ke atasnya.
>
> Ini jelas dicerminkan oleh Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, dan dua kes Mahkamah Agung iaitu *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Isa Abdul Rahman & Satu Yang Lain* [1992] 2 MLJ 244 dan *Mohamed Habibullah lwn Faridah bte Dato' Talib* [1993] 1 CLJ 264.

[25] Seterusnya di dalam kes *Md Hakim Lee v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur* [1998] 1 MLJ 681, mengenai isu yang sama Abdul Kadir Sulaiman H (pada masa itu) telah memutuskan (di ms 685, 688–689):

> "This matter of the plaintiff which involves the determination of his status upon his purported renunciation of the Islamic faith by the deed poll and the statutory declaration is outside the jurisdiction of this court to determine, on account of the ouster of the jurisdiction by art 121(1A) of the Federal Constitution. By virtue of para 1 in List 11 of the Ninth Schedule to the Federal Constitution, the jurisdiction lies with the syariah court on its wider jurisdiction over a person professing the religion of Islam even if no express provisions are provided in the Administration of Islam Law (Federal Territories) Act 1993 ('the Act') because under art 74 of the Constitution, it is within the competency of the legislative to legislate on the matter. Its absent from the express provision in Act would not confirm the jurisdiction in the civil court.
>
> …
>
> To my mind, the language of art 121(1A) used by the legislative is clear and without any ambiguity. The civil courts, in this case, the High Court, has no jurisdiction in respect of any matter that is within the jurisdiction of the syariah court."

[26] Isu mengenai bidang kuasa Mahkamah Sivil dalam perkara di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah juga telah diputuskan oleh Abdul Hamid Embong H dalam kes *Priyathaseny & Ors v Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak & Ors* [2003] 2 MLJ 302. Di dalam kes tersebut, plaintif pertama seorang Islam telah meninggalkan Islam dan menerima agama Hindu sebagai agama beliau. Beliau telah berkahwin dengan plaintif kedua, seorang yang berketurunan India dan merupakan penganut agama Hindu. Hasil perkahwinan, mereka telah mendapat dua orang anak. Plaintif pertama telah ditahan dan dituduh di bawah beberapa kesalahan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perak 1992 dan disabitkan dan didenda. Plaintif pertama kemudiannya memohon pengisytiharan dari Mahkamah Tinggi bahawa layanan berterusan terhadap beliau sebagai seorang Muslim dan hukuman jenayah yang dikenakan terhadap beliau adalah tidak berperlembagaan. Hakim Abdul Hamid Embong dalam penghakimannya telah memutuskan bahawa isu sama ada plaintif pertama kekal sebagai seorang Muslim meskipun beliau telah melepaskan agama Islam adalah isu yang terlingkung di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Beliau menyatakan:

A Clause 1A of art 121 of the Federal Constitution provides that the High Courts shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah Court thus ensuring no conflict of jurisdiction.

[27] Saya sendiri dalam kes *Zubeydah bte Shaik Mohd lwn Kalaichelvan a/l* B *Alagapan dan lain-lain* [2003] 2 MLJ 471 telah memutuskan perkara yang sama di mana saya menyatakan (di ms 471–472):

(i) Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk menentukan sama ada seseorang Islam itu telah keluar dari agama Islam atau menjadi murtad. Kuasa itu adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini sememangnyalah begitu kerana soal C sama ada seseorang Islam telah terkeluar daripada agamanya atau menjadi murtad merupakan isu yang serius yang hanya boleh ditentukan oleh pakar-pakar yang berkelayakan dalam bidang perundangan Islam.

(ii) Seseorang yang mengisyhtiharkan dirinya telah keluar daripada agama Islam perlu mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Syariah. Pengisyhtiharan melalui surat akuan berkenaan yang mengisyhtiharkan seseorang itu telah keluar daripada agama D Islam adalah tidak memadai untuk menentukan kedudukan seseorang itu sama ada telah keluar dari agama Islam atau sebaliknya.

[28] Jelas pada saya tidak terdapat percanggahan keputusan oleh Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dalam isu ini. Malah keputusan Hakim-Hakim Mahkamah E Tinggi, adalah berpandukan dan selari dengan keputusan oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Di dalam kes *Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah, Bukit Mertajam & Anor* [1992] 1 MLJ 1 Mohamed Yusof HMA dalam membincangkan sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk mengisyhtiharkan seseorang itu telah murtad telah menyatakan seperti berikut F (di ms 10):

> Such a serious issue, would, to my mind, need consideration by eminent jurists who are properly qualified in the field of Islamic jurisprudence.
>
> On this view it is imperative that the determination of the question in issue requires G substantial consideration of the Islam law by relevant jurists qualified to do so.

[29] Perkara yang sama telah diputuskan oleh Gunn Chit Tuan HMA di dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato' Taib* [1992] 2 MLJ 793 yang antara lain menyatakan (di ms 822):

H

> With respect to the submission of Mr Balwant Singh Sidhu regarding whether the plaintiff could be considered as apostate, reference ought to be made to the dictum of Mohamed Yusoff SCJ (as he then was) in the recent decision of this court in *Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor* when he pointed out that in determine whether a Muslim has renounce Islam, the only forum qualified to answer the question is the Syariah Court.

I

[30] Seterusnya di dalam kes *Soon Singh a/l Bikar Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)* [1999] 1 MLJ 489, Dzaiddin HMP (pada masa itu) yang memberikan penghakiman untuk Mahkamah Persekutuan telah menyatakan (di ms 502):

Therefore, when jurisdiction is expressly conferred on the syariah courts to adjudicate on the matters to conversion to Islam, in our opinion, it is logical that matters concerning conversion out of Islam (apostasy) could be read necessarily implied in and falling within the jurisdiction of the syariah courts. One reason we can think of is that the determination of a Muslim convert's conversion out of Islam involves inquiring into the validity of his purported renunciation of Islam under Islamic law in accordance with hokum syarak (*Dalip Kaur*). As in this case of conversion to Islam, certain requirements must be complied with under hokum syarak for a conversion out of Islam to be valid, which only the syariah courts are the experts and appropriate to adjudicate.

[31] Jelas, tidak ada perbezaan atau kekeliruan mengenai perkara ini. Mahkamah di semua peringkat telah memutuskan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan sama ada seseorang itu telah terkeluar daripada agama Islam atau menjadi murtad. Bidang kuasa itu terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

[32] Baru-baru ini Mahkamah Rayuan di dalam kes *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors* [2005] 6 MLJ 193 antara lain telah memutuskan bahawa seseorang yang ingin keluar daripada agama Islam dikehendaki berbuat sedemikian melalui pihak berkuasa agama Islam. Abdul Aziz Mohamed JCA telah menyatakan (di ms 209):

One might be tempted to think that the fact a person affirms in a statutory declaration that he is no longer a Muslim, or the fact the he has been participating in a Christian form of worship, or the fact that he has been baptized is sufficient, according to Islamic Law, to warrant others to treat him as having apostatized and as being no longer a Muslim. But is that so in Islam Law? It may be that according to Islamic Law no Muslim may be treated as having apostatized, no matter what he may have done or failed to do, unless and until he has been declared an apostate by some proper authority.

[33] Pada saya 'proper authority' yang dimaksudkan oleh Mahkamah Rayuan itu semestinya badan yang diwujudkan di bawah enakmen tiap-tiap negeri di Malaysia, di bawah perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(2) berbunyi seperti berikut:

74(2)

Without prejudice to any power to make laws conferred on it by any other Article, the Legislative of a State may make laws with respect to any of the matters anumerated in the State List (that is to say), the Second List set out in the Ninth Schedule or the concurrent list.

[34] Jelas pada saya, kuasa di bawah perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan seperti di ataslah yang memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk mewujudkan Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Pada saya kewujudan Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 bukanlah bertujuan untuk menghalang penganut Islam daripada menukar agama, kerana ia sudah tentu akan bertentangan dengan perkara 11 Perlembagaan. Sebaliknya, kewujudan

Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 itu adalah untuk bertindak sebagai forum yang mempunyai bidang kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk mentadbir undang-undang diri dan keluarga penganut agama Islam di Negeri Terengganu, termasuklah mengenai permohonan untuk mereka yang hendak keluar daripada agama Islam.

[35] Jadi pada saya, tidak ada keperluan untuk Mahkamah ini merujuk kepada Mahkamah Persekutuan persoalan undang-undang seperti yang dikemukakan oleh pihak plaintif. Kedudukan undang-undang dalam hal ini adalah sangat jelas.

[36] Sebenarnya tindakan plaintif-plaintif ini merupakan cubaan kali kedua, memohon kepada Mahkamah untuk memutuskan perkara yang sama. Dari fakta kes ini adalah didapati bahawa kedua-dua plaintif adalah antara plaintif-plaintif yang memfailkan permohonan habeas corpus dan pengisytiharan bahawa mereka telah keluar dari Islam, di Mahkamah Tinggi Kota Bharu (lihat *Daud bin Mamat & Ors v Majlis Agama Islam & Anor* [2001] 2 MLJ 390). Suriyadi H dalam menolak permohonan itu pada asasnya memutuskan bahawa plaintif-plaintif yang mengisytiharkan mereka telah keluar agama Islam, masih dianggap di sisi undang-undang sebagai seorang Islam sehinggalah di sahkan oleh Mahkamah Syariah. Jadi menurutnya, memandangkan plaintif-plaintif masih dianggap orang Islam, mereka akan terus berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap mereka.

[37] Plaintif-plaintif dalam kes tersebut, termasuk kedua-dua plaintif, kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan seperti dalam kes *Kamariah bte Ali dan lain-lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi* [2002] 3 MLJ 657. Perkara pokok yang ditimbulkan di Mahkamah Rayuan ialah mengenai s 102 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 yang dikatakan adalah bercanggah dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 102 Enakmen tersebut berbunyi:

(1) Tiada seorang pun yang telah diakui beragama Islam boleh mengaku bahawa ia bukan Islam melainkan setelah Mahkamah memberi pengesahan sedemikian;

(2) Sebelum Mahkamah membuat pengesahan- nya, seseorang itu hendaklah dianggap beragama Islam dan segala perkara yang berkaitan dengan agama Islam adalah terkena ke atasnya; dan

(3) Jika seseorang Islam dengan sengaja cuba sama ada dengan perkataan atau perbuatan hendak keluar dari agama Islam, Mahkamah bolehlah, jika berpuashati, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi 36 bulan bagi tujuan pendidikan dan orang itu hendaklah diminta bertaubat mengikut Hukum Syarak.

[38] Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa s 102 di atas tidak menghalang seseorang Islam keluar dari agama Islam. Ia cuma memerlukan seseorang Islam yang hendak membuat pengakuan bahawa dia bukan Islam mendapat pengesahan Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Jadi, rayuan plaintif-plaintif dalam

kes tersebut telah ditolak dan adalah juga diputuskan bahawa soalan sama ada seseorang itu murtad atau tidak adalah persoalan hokum syarak, bukan undang-undang sivil.

[39] Plaintif-plaintif dalam kes tersebut, termasuklah kedua-dua plaintif dalam kes ini telah membuat permohonan untuk kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan. Seperti yang dinyatakan terdahulu bahawa pada 5 November 2002, Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran kepada mereka untuk merayu ke atas persoalan-persoalan tertentu. Dua daripada tiga persoalan yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif dalam kes tersebut adalah persoalan yang sama yang hendak dikemukakan oleh plaintif-plaintif di dalam permohonan di Kandungan 3. Persoalan-persoalan itu ialah:

(i) Sama ada hak untuk menganut agama di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan merangkumi hak seseorang beragama Islam yang telah mencapai umur majoriti untuk mengisytiharkan keluar dari agamanya.

(ii) Sama ada undang-undang yang menghadkan atau mengenakan sekatan-sekatan yang lain ke atas hak seseorang (selain dari mereka yang belum mencapai umur majoriti) untuk mengisytiharkan keluar dari agamanya, adalah tidak konsisten dengan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan demikian tidak sah.

[40] Pada 24 Julai 2004, di Mahkamah Persekutuan yang diketuai oleh Ahmad Fairuz KHN di dalam kes *Kamariah bte Ali dan lain-lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan dan satu lagi* [2005] 1 MLJ 197 sebulat suara berpendapat soalan-soalan tersebut tidak perlu dijawab walaupun kebenaran untuk merayu ke atas soalan-soalan tersebut telah diberikan oleh Mahkamah Persekutuan. Dengan itu, rayuan perayu-perayu telah ditolak dengan kos oleh Mahkamah Persekutuan.

[41] Pada saya, apabila Mahkamah Persekutuan yang berkeputusan untuk tidak menjawab soalan-soalan tersebut, saya tidak nampak apa keperluan soalan-soalan atas fakta yang sama perlu dikemukakan semula kepada Mahkamah Persekutuan. Tindakan plaintif-plaintif dalam pemfailan Kandungan 1 dan Kandungan 3 adalah tergolong di dalam tindakan yang menyalahguna proses mahkamah.

[42] Kesimpulannya, saya berpendapat tidak ada keperluan untuk merujuk soalan-soalan yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif seperti di Kandungan 3 melalui satu kes khas ke Mahkamah Persekutuan. Pada saya, persoalan sebenar yang hendak diketengahkan oleh plaintif-plaintif dalam kes ini ialah untuk pengisytiharan mereka tidak lagi menganut dan mengamalkan agama Islam. Seperti yang saya nyatakan di dalam penghakiman ini bahawa bidang kuasa untuk menentukan seseorang itu telah keluar daripada agama Islam adalah Mahkamah Syariah. Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa.

A **[43]** Dengan itu, permohonan plaintif-plaintif di Kandungan 3 adalah ditolak dengan kos kecuali pencelah yang hendaklah menanggung kosnya sendiri. Atas alasan-alasan yang sama, Kandungan 1 adalah dibatalkan.

Permohonan ditolak dengan kos.

B

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed

C

D

E

F

G

H

I